

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 MAY 2017

China buka peluang luas

UM-16/5/2017 Pg. 3

■ BEIJING 15 MEI

CHINA kini membuka peluang yang luas kepada ahli perniagaan Malaysia yang mahu menjalinkan kerjasama ekonomi, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, hubungan saling mempercayai antara kedua-dua negara kini berada pada tahap yang paling menarik dengan ahli perniagaan Malaysia lebih mudah untuk menjalin kerjasama ekonomi berbanding sebelumnya.

Najib berkata, ketika berada di sini, beliau telah bertemu beberapa ahli perniagaan Malaysia yang memberitahu bahawa mereka kini begitu mudah mengadakan



Mowardi
Mahmud

Melaporkan dari BEIJING, CHINA

perbincangan dengan rakan niaga di China.

"Kehadiran dan hubungan baik saya dengan kerajaan dan pucuk pemimpin atasan, syarikat-syarikat Malaysia kini seolah-olah mereka dapat 'kunci kepada pintu' untuk memasuki China.

"Manfaatnya (hubungan akrab) sukar untuk digambarkan," katanya dalam sidang akhbar bersama wartawan Malaysia pada hari terakhir lawatan ke China termasuk

menghadiri Belt and Road Forum (BRF).

Najib berkata, keadaan itu tidak berlaku sebelum ini tetapi kini banyak perjanjian yang dapat dicapai oleh syarikat-syarikat dari Malaysia.

Sepanjang BRF, kata beliau, sembilan memorandum persefahaman (MoU) berjumlah AS\$7.22 bilion telah berjaya dimeterai tetapi perjanjian yang dicapai sebenarnya lebih banyak kerana ia dilakukan di kalangan ahli perniagaan Malaysia.

"Terdapat satu MoU yang besar sudah hampir 95 peratus untuk dimeterai dan sekira tidak dimeterai dalam lawatan ini, mungkin dalam lawatan yang seterusnya."

kata Perdana Menteri.

Beliau berharap syarikat Malaysia mengambil faedah daripada hubungan baik ini dan menjangkakan banyak lagi MoU akan dimeterai pada masa akan datang.

Najib juga menyifatkan BRF yang berlangsung selama dua hari dan berakhir hari ini mencapai hasil yang sangat menggalakkan.

Beliau berkata, konsep dan inisiatif BRF yang diperkenalkan oleh Presiden China, Xi Jinping diterima oleh semua negara yang menyertainya, bertujuan menghidupkan semula laluan sutera darat dan laut yang terkenal satu ketika dahulu.

Najib berkata, inisiatif berk-

enaan tepat pada masanya dan ia sudah tentu bukan hanya merapatkan hubungan Malaysia dengan China tetapi juga dalam kalangan negara di serantau dan kawasan serantau yang lain.

Menurutnya, tidak ada sekretariat khusus diwujudkan untuk BRF tetapi ia akan dipantau oleh Jabatan Perdana Menteri.

Katanya, ketika persidangan itu, beliau juga bertemu dengan Perdana Menteri Poland, Beata Szydlo dan juga Menteri Kewangan British, Philip Hammond yang memaklumkan bahawa negara itu akan menilai semula hubungannya dengan negara-negara luar termasuk Malaysia berikutan keluar dari Kesatuan Eropah. - UTUSAN